

# Tutorial ICT

Bersama FIRKHAN

sembangict@yahoo.com



## Scam panggilan tipu

**T**ERDAPAT panggilan telefon yang memberitahu daripada badan penguat kuasa apa sahaja perkhidmatan yang digunakan seperti perbankan internet, kad kredit, akaun talian Internet dan lain-lain tetapi sebenarnya satu penipuan. Mereka menyatakan apa sahaja perkhidmatan yang digunakan tersebut bermasalah dan perlu diperbaiki. Mereka juga akan cuba memberi bantuan sehingga masalah tersebut selesai sehingga ke tahap meminta capaian ke akaun talian Internet untuk mencuri data atau meminta capaian akaun perbankan internet untuk mencuri duit.

Ini adalah antara gerak kerja sindiket penipuan telefon atau *scam*. Mereka akan memainkan pelbagai isu dan masalah berkaitan sehingga penerima panggilan menjadi mangsa penipuan ini. Bunyinya seperti mereka sangat berhajat untuk membantu tetapi sebenarnya mereka untuk mendapatkan sesuatu yang bernilai daripada penerima panggilan seperti wang dan maklumat peribadi.

Sindiket penipuan ini menggunakan talian telefon berasaskan Internet untuk melindungi nombor sebenar yang digunakan dengan paparan sebenar pihak berkaitan pada penerima panggilan. Oleh itu, penerima panggilan akan percaya panggilan tersebut datang daripada pihak yang sebenar.

Gaya soalan yang ditanya dan kelakuan pihak pemanggil ditetapkan bagi mendapat kepercayaan penerima panggilan. Apabila si mangsa menerima panggilan tersebut, sindiket penipuan itu memainkan isu yang sepatutnya untuk mengawal dan mendapat kepercayaan si pemanggil tadi.

Terdapat beberapa panduan bagi mengenal pasti panggilan tersebut merupakan satu *scam* atau pun sebaliknya. Antaranya adalah seperti berikut.

- 1** Kebiasaan jarang sangat pihak berkuasa berkenaan yang membuat panggilan tetapi sebaliknya pengguna yang akan membuat panggilan sekiranya ada isu atau masalah.

- 2** Kebiasaan pihak tertentu yang membuat panggilan mempunyai maklumat peribadi si penerima panggilan tetapi sindiket penipuan atau *scam* tidak mempunyai maklumat tersebut.

- 3** Ejen panggilan pusat pihak tertentu biasanya dilatih akan menggunakan nama syarikat tetapi sindiket penipuan ini yang lebih menggunakan nama secara umum seperti perbankan Internet anda, syarikat kad kredit anda dan lain-lain.

- 4** Ada beberapa perkara teknikal berkaitan dengan sesuatu akaun atau perkhidmatan yang dilanggan perlu diketahui oleh setiap pelanggan seperti tiada istilah tarikh luput untuk penggunaan modem Internet dan lain-lain.

- 5** Oleh itu, ketika menerima panggilan tersebut, jangan panik dan tertekan untuk membuat keputusan seperti yang diminta, semak selengkapnya pemanggil tersebut, dapatkan kepastian daripada pihak berkuasa yang sebenar dan sekiranya terbukti panggilan itu adalah *scam* atau penipuan, matikan sahaja panggilan tersebut. Buat laporan kepada pihak berkenaan sekiranya perlu.